

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JANUARY 2017

DAP didesak ambil tindakan undang-undang terhadap Dr. Mahathir

PULAU PINANG 20 Jan. - DAP didesak memberi amaran keras atau mengambil tindakan undang-undang terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung pengakuannya bahawa parti itu pernah meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri jika pembangkang menang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Naib Presiden Parti Alternatif Rakyat (PAP), Rahmad Isahak berkata, penafian semata-mata tidak mampu menutup dakwaan Dr. Mahathir apatah lagi kenyataan itu memberi kesan besar kepada DAP.

Tambah beliau, dakwaan Dr. Mahathir itu boleh meletakkan

parti pembangkang lain khususnya PKR dalam keadaan curiga selain menghakis sokongan pengundi Melayu.

“Jika Dr. Mahathir berbohong, kenapa DAP tidak memberi amaran dan jika ada keperluan menyaman beliau kerana tindak-tanduk Dr. Mahathir itu boleh membawa rebah serta liabiliti kepada kerjasama antara pembangkang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



RAHMAD ISAHAK

um - 21/1/2017

Beliau mengulas penafian Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatannya, Lim Guan Eng semalam berhubung kenyataan Dr. Mahathir yang mana parti itu sebelum ini pernah meminta jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Rahmad turut menilai penafian DAP terhadap kenyataan Dr. Mahathir sebagai mencerminkan wajah

sebenar kerjasama antara pembangkang ketika ini yang tidak pernah sehaluan dan sependapat.

Lebih malang katanya, penafian itu berlaku dalam keadaan DAP ketika ini dilihat terlalu mengangung-agungkan dan mengangkat Dr. Mahathir sebagai ikon mereka.

“Rakyat berbilang kaum di negara ini sudah pasti akan berputih mata jika memberikan mandat kepada parti gabungan yang sering bertikaian dari sudut polisi serta pentadbiran disebabkan hala tuju ideologi berlainan meskipun bakal bertanding di bawah satu logo dalam pilihan raya umum kelak,” katanya.